

Orang-orang Dongxiang merupakan kumpulan orang-orang Muslim di China yang ke-empat besar. Dongxiang secara harfiah bererti “kampung-kampung timur”, menyiratkan bahawa mungkin Dongxiang pada asalnya datang dari sebelah barat. Sebenarnya mereka sering kali dianggap berasal dari orang Sarta dari Asia Tengah. Di antara abad ke 12 dan ke 13, Genghis Khan mencerobohi Asia Tengah dan mengambil

orang-orang Sarta yang beragama Islam sebagai tawanan – istilah Sarta itu pernah digunakan untuk merujuk peniaga-peniaga Islam di Asia Tengah. Genghis Khan telah membawa mereka balik ke China dan ramai yang berkahwin dengan askar-askar Mongol. Ada di antara orang-orang Sarta menjadi hamba kepada orang-orang Mongol dan ada yang dihantar ke wilayah Gansu sebagai peneroka. Mereka berlawan bersama-sama orang Mongol pada waktu peperangan dan bercucuk tanam pada waktu kedamaian. Orang-orang Dongxiang paling

ramai tertumpu di kawasan pergunungan yang lasak dan gersang di wilayah Gansu, yang lain terdapat di wilayah Qinghai, Ningxia dan Xinjiang di barat-laut China, di sebelah selatan Mongolia dan sebelah timur-laut Tibet.

Dari generasi ke generasi mereka telah bercampur dengan orang-orang Han, Mongolia, Hui dan Tibet. Oleh kerana mereka agak terpencil di kawasan barat-laut negara China selama beberapa abad, orang Dongxiang telah membentuk bahasa tersendiri yang tidak tertulis, yang dekat

Hari 08 | Orang-orang Dongxiang dari China

dengan bahasa Mongol. Walaupun mereka tidak mempunyai sistem penulisan, mereka mempunyai tradisi lisan yang kaya, termasuk legenda, cerita-cerita dongeng, lagu-lagu rakyat, teka-teki dan juga peribahasa. Ramai di antara mereka juga faham bahasa lisan Mandarin. Walau bagaimanapun, statistik kerajaan menunjukkan bahawa orang-orang Dongxiang merupakan salah satu golongan yang paling miskin dan paling buta huruf di antara 55 kumpulan minority di negara China. Ramai di antara mereka hanya pernah bersekolah selama satu tahun

sahaja. Kebanyakan kanak-kanak Dongxiang mendapati ianya sukar untuk belajar bahasa Cina. Beberapa agensi bantuan antarabangsa telah rasa terdorong untuk mengambil tindakan untuk bekerjasama dengan kerajaan negara China demi menyelesaikan masalah ini. Sebuah kamus Bahasa Dongxiang-Bahasa Cina telah diterbitkan baru-baru ini dan telah banyak membantu keadaan.

Orang-orang Dongxiang kebanyakannya terlibat dalam kegiatan pertanian.

Memelihara binatang ternakan, terutamanya kambing, merupakan peranan penting di dalam kegiatan ekonomi mereka. Hasil-hasil utama mereka merupakan ubi kentang, gandum, jagung, hemp, biji sawi dan jenis tanaman industri yang lain. “Tiga harta” orang-orang Dongxiang - aprikot, tembikai dan juga buah-buahan yang lain memang terkenal di seluruh negara China. Mungkin terdapat 200 orang Kristian di kalangan orang-orang Dongxiang, namun kebanyakan mereka tidak berada dalam kelompok rumah ataupun gereja.

Hari 08 | Orang-orang Dongxiang dari China

Lihat artikel International Herald Tribune oleh Jim Yardley:

<http://www.iht.com/articles/2006/03/07/news/china.php>

Bahan-bahan Doa:

Berdoalah agar Tuhan akan mengutus orang-orang Kristian Cina untuk hidup dan mengisytiharkan Injil di kalangan orang-orang Dongxiang. Semoga terdapat

peluang untuk membantu mereka dari segi perubatan, pendidikan, projek-projek sosial dan pertanian.

Berdoalah supaya Tuhan akan membuka hati orang-orang Dongxiang supaya mereka dapat memasuki kerajaannya.

Berdoalah untuk pemuridan yang kukuh bagi orang-orang Dongxiang yang percaya, agar mereka akan berbuah di dalam masyarakat-masyarakat mereka.

Islam diterangkan:

- Iblis dan Syaitan - Ini merupakan nama-nama Qur'an bagi malaikat yang jatuh dalam dosa.

www.30-days.net

www.30daysfire.net

30 Hari Doa bagi Dunia Muslim